

21/01/2004

Malaysia dapat mandat Filipina, MILF

Mahfar Ali

MANILA: Malaysia masih mendapat kepercayaan penuh Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) untuk memainkan peranan sebagai penyelarar bagi merealisasikan proses damai di selatan Filipina.

Sehubungan itu, Manila dan MILF bersetuju mengadakan perbincangan awal di Kuala Lumpur pada minggu kedua bulan depan bagi merintis jalan ke arah menggerakkan semula rundingan damai itu yang beberapa kali tertangguh sebelum ini.

Persetujuan itu diumumkan Presiden Gloria Macapagal Arroyo pada sidang media bersama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas pertemuan empat mata mereka dan mesyuarat dua hala di Istana Malacanang di sini sempena lawatan rasmi Perdana Menteri, semalam.

Pengumuman Arroyo itu sekali gus menamatkan spekulasi kononnya Amerika Syarikat akan mengambil alih peranan berkenaan selepas Washington minggu lalu dilaporkan menawarkan bantuan untuk menyelaraskan rundingan damai itu.

Arroyo menjelaskan, Filipina sentiasa menghargai sokongan berterusan Malaysia, terutama dalam usaha Manila untuk mencapai persefahaman dengan MILF.

"Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bukan saja mendapat keyakinan masyarakat tempatan, malah antarabangsa," katanya.

Abdullah dalam ucapan balasnya menyatakan kegembiraan serta kesediaan Malaysia untuk membantu proses damai itu dan berharap rundingan awal di Kuala Lumpur dapat mempercepatkan lagi usaha mengembalikan keamanan di selatan Filipina.

Mengenai tawaran Amerika untuk membantu proses damai itu, Perdana Menteri berkata: "Sekiranya ia baik, kenapa perlu dihalang, tetapi jika kita dapat menguruskannya sendiri secara bilateral, lebih baik kita lakukan sendiri dan pada peringkat ini saya percaya kita masih mempunyai keupayaan untuk melakukannya."

Abdullah berkata, Malaysia mempunyai agensi dan pegawai khusus untuk menyelaraskan rundingan itu dan beliau sendiri akan memberi sokongan penuh bagi memastikan proses damai itu mencapai kemajuan seperti yang diharapkan.

Pada sidang media berasingan dengan wartawan Malaysia pula, Abdullah berkata, Malaysia turut bersedia menghantar pasukan peninjau bagi memantau proses damai itu, tetapi ia akan dilakukan secara berhati-hati bagi mengelak terbabit dalam konflik berkenaan.

Beliau berkata, pada peringkat ini juga pembangunan di selatan Filipina mesti dimulakan bagi mengelak penduduk di kawasan itu terus terpinggir.

"Ini penting kerana jika kawasan itu tidak ada pembangunan maka selama-lamanya penduduknya akan terpinggir dan mungkin terdesak hingga mengambil tindakan dalam pelbagai bentuk yang tidak disenangi kerajaan Filipina atau mempunyai unsur militan.

"Justeru kita boleh bermula dengan langkah tertentu terutama membangunkan keupayaan penduduk di kawasan berkenaan dan kerajaan Jepun juga sudah memberi pengakuan untuk membantu pembangunan di Kawasan Pertumbuhan Asean Timur membabitkan Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA)," katanya.

Pengakuan itu terkandung dalam Deklarasi Tokyo yang dipersetujui Asean dan Jepun pertengahan Disember lalu sempena sidang kemuncak Kenang-Kenangan Asean-Jepun.

Kawasan BIMP-EAGA mempunyai seramai 45 juta penduduk, bagaimanapun sebahagian besar kawasan 1,563,877 kilometer persegi itu masih mundur, kecuali Malaysia (Sarawak, Sabah dan Labuan) dan Brunei.

Selain selatan Filipina yang merangkumi pulau Mindanao dan Palawan, BIMP-EAGA turut membabitkan kawasan Indonesia iaitu Kalimantan, Sulawesi, Maluku dan Irian Jaya. Melalui program itu, rantau berkenaan akan dimajukan setanding kawasan lain dalam negara Asean.

Abdullah berkata, Malaysia juga sedia menawarkan peluang latihan menerusi pelbagai program termasuk kerjasama teknikal, bagi membantu penduduk di selatan Filipina meningkatkan keupayaan untuk menguruskan pelbagai bidang termasuk pertanian.

Perdana Menteri yang diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, tiba di sini malam kelmarin bagi meneruskan siri lawatan suai kenal beliau selepas pelantikannya sebagai Perdana Menteri kelima menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober tahun lalu.

Filipina adalah negara Asean keenam yang dikunjungi Abdullah selepas Brunei, Indonesia, Singapura, Thailand dan Laos.

Sempena lawatan ke sini, Abdullah turut diberi anugerah sebagai mengiktiraf sumbangan dan pencapaian cemerlangnya dalam mengeratkan hubungan dua hala serta proses damai di selatan Filipina sejak beliau memegang jawatan Menteri Luar pada 1991.

Anugerah itu yang paling tinggi untuk seorang ketua kerajaan, disampaikan Speaker Perwakilan Rakyat Filipina, Jose de Venecia.